



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

KERAJAAN PERSEKUTUAN KOMITED TINGKAT KESEJAHTERAAN DAN SOSIOEKONOMI RAKYAT KELANTAN

Hari ini saya berkesempatan mengadakan **Sesi Perjumpaan Khas Bersama Ketua Jabatan Persekutuan Negeri Kelantan** di Hotel Perdana yang dihadiri oleh ketua dan wakil-wakil pelbagai Jabatan Persekutuan di Negeri Kelantan.

Jumlah peruntukan yang kekal tinggi bagi projek-projek pembangunan menunjukkan Kerajaan Persekutuan masih komited dalam meningkatkan kesejahteraan dan merapatkan jurang sosioekonomi rakyat di negeri Kelantan.

Bagi *Rolling Plan* Keempat (RP4) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) Tahun 2024, Kelantan telah membelanjakan sebanyak **RM2.4 bilion** iaitu **84.98%** daripada jumlah peruntukan asal MOF iaitu sebanyak **RM2.8 bilion**. Ini menunjukkan prestasi yang baik. Namun, prestasi perbelanjaan pada tahun 2025 diharapkan lebih baik dengan pelbagai projek pembangunan yang akan dimulakan pelaksanaannya.

Bagi tahun 2024, terdapat **454 projek** telah diluluskan dan beberapa telah berstatus Siap Pelaksanaan iaitu **Projek Pembesaran dan Naiktaraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Fasa 1, Pembinaan Hospital Bachok, Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Jeli dan Pembangunan Kolej Komuniti Jeli** yang baharu.

Beberapa projek berimpak tinggi di Negeri Kelantan juga telah memulakan pelaksanaan termasuk:

- i. Fasiliti-fasiliti sukan bagi penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA 2028);
- ii. Pembinaan Jambatan Palekbang;
- iii. Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Kota Bharu;
- iv. Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok Fasa 3; dan
- v. Fasa Terakhir Projek Pembesaran dan Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (dijangka siap 6 Mei 2025).

Bagi *Rolling Plan* Kelima (RP5) RMKe-12 Tahun 2025, sebanyak **115 projek baharu** diluluskan daripada jumlah keseluruhan **467 projek** menjadikan kos semasa projek pembangunan di Kelantan sebanyak **RM25.7 bilion**.

Terkait dengan isu kemiskinan, Negeri Kelantan telah berjaya menoktahkan *locked figure* miskin tegar sebanyak dua fasa pada tahun 2024.

Fasa Pertama melibatkan 12,280 KIR *locked figure* Miskin Tegar Tahun 2023 yang berjaya dinoktahkan pada 1 Julai 2024 seperti arahan yang ditetapkan oleh YAB Perdana Menteri pada Mesyuarat Khas Pembangunan Negeri Kelantan pada 2 Mei 2024.

Bagi merealisasikan aspirasi kerajaan, Negeri Kelantan sekali lagi telah berjaya menoktahkan *locked figure* Miskin Tegar Fasa Kedua pada 31 Disember 2024 yang melibatkan seramai 1,761 KIR.

Selepas sesi perjumpaan ini, saya akan mengadakan **Lawatan ke Pasar Besar Siti Khadijah** bagi meninjau status pelaksanaan Projek Baik Pulih Pasar yang telah diluluskan peruntukan Khas oleh YAB Perdana Menteri sebanyak **RM5.5 juta** pada 1 Oktober 2024 yang lalu.

Antara skop baik pulih yang dilaksanakan di Pasar Siti Khadijah meliputi empat projek yang telah siap pada 9 Disember 2024 dengan kos sebanyak RM200 ribu bagi setiap projek. Projek tersebut ialah kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Bekalan Air, kerja-kerja Baik Pulih Longkang Sekeliling, kerja-kerja Baikpulih Sistem Pelongsor (Chute system) dan Kerja-kerja Membaikpulih Bumbung Pasar Kuih.

Manakala, tiga projek masih dalam pelaksanaan meliputi Kerja-kerja Menaiktaraf Tandas Komuniti Tingkat 3 dan Tandas Sejahtera, Kerja-kerja Menaik Taraf Bumbung dan Kerja Mengecat Pada Dinding Luar / Dalam Tandas Sejahtera, Kerja-kerja Mengecat Semula Bangunan Pada Dinding Luar dan Dalam Pasar serta Kerja-kerja Membaikpulih scupper drain, jubin lantai dan jubin tangga dengan kos keseluruhan berjumlah RM1.5 juta.

Bagi projek berstatus Pra Pelaksanaan, terdapat satu projek iaitu Cadangan Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Elektrik dan Sistem Pencegahan Kebakaran berjumlah RM2.5 juta. Difahamkan, JKR sedang dalam proses reka bentuk dan perolehan.

Kerja-kerja baik pulih yang dilaksanakan ini dijangka akan memberi keselesaan kepada seramai **1,330 orang peniaga** serta akan menarik lebih ramai pengunjung dan pelancong ke Pasar Besar Siti Khadijah.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
9 JANUARI 2025